

Osman angkat sumpah Menteri Besar Johor

JOHOR BAHRU - Setiausaha Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) negeri Johor, Datuk Osman Sapian dilantik menjadi Menteri Besar Johor selepas mengangkat sumpah di Istana Bukit Serene di sini semalam.

Majlis angkat sumpah Menteri Besar ke-16 itu berlangsung penuh istiadat di Balai Menghadap Istana di hadapan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Turut berangkat pada majlis berkenaan ialah Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail; Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman; Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar serta kerabat diraja yang lain.

Osman, 67, yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kempas berkata, beliau komited untuk



OSMAN mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Johor yang baharu di Istana Bukit Serene, Johor Bahru semalam.

melaksanakan janji-janji yang telah diumumkan Pakatan Harapan (PH) dalam tempoh 100 hari memerintah kerajaan negeri.

“Dalam majlis angkat sumpah di Istana Bukit Serene, baginda (Sultan Ibrahim) mengarahkan saya menjalan-

kan tugas dengan jujur, ikhlas dan berintegriti, jauhkan dari pada amalan-amalan tidak dikehendaki seperti rasuah dan sebagainya,” katanya.

Beliau yang dilahirkan di Segamat berkata demikian pada sidang akhbar di Hotel Thistle di sini semalam.

Osman berkata, kerajaan negeri akan melantik sepuluh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan mereka mengangkat sumpah pada 15 Mei ini.

“Ini perkara yang harus kita selesaikan terlebih dahulu sebelum majlis angkat sumpah Exco,” katanya.

Osman menjadi Menteri Besar menggantikan Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Beliau mula berkecimpung dalam arena politik sejak tahun 1974 dengan menjadi Ketua Pemuda Sosialis Rakyat Malaysia sebelum menjadi ahli UMNO dan ahli Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

PH memenangi 36 kerusi berbanding Barisan Nasional (19) dan Pas (1) sekali gus menang majoriti mudah untuk membentuk kerajaan baharu.

INFO

Menteri Besar Johor



DATUK OSMAN SAPIAN

Tarikh lahir: 24 Disember 1951

Tempat lahir: Segamat, Johor

Isteri: Datin Nora Md. Sor

Anak: Empat lelaki dan tiga perempuan

Pendidikan: Sekolah Menengah Tengku Mahmud Iskandar, Pontian, Johor 1985, Sekolah Menengah Dato Penggawa Barat, Pontian, Johor; Sekolah Menengah Sultan Ismail, Johor Bahru

Diploma dalam bidang perakaunan di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) sebelum menyambung Ijazah Sarjana Muda Perakaunan di universiti sama

Penglibatan politik:

Setiausaha Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Negeri Johor (2016-kini)

Menjadi ahli PPBM pada 2013

Menyertai UMNO pada 1988